



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 26 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm


26/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	BANJIR PAHANG: MANGSA DI RAUB, LIPIS TERUS BERTAMBAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/641282/edisi/pahang/banjir-pahang-mangsa-di-raub-lipis-terus-bertambah	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MANGSA BANJIR KELANTAN MENINGKAT MENDADAK KEPADA 11,329 ORANG 10 MALAM INI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1192778/mangsa-banjir-kelantan-meningkat-mendadak-kepada-11329-orang-10	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KEPELBAGAIAN PERAYAAN PERLU JADI TERAS PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/25/kepelbagaian-perayaan-perlu-jadi-teras-perpaduan-rakyat-malaysia	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KOMUNITI PENYAYANG 2023 AYAM BRAND PERKASA 1,065 KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/amp/WM/2023/12/1043998/komuniti-penyayang-2023-ayam-brand-perkasa-1065-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY



Banjir Pahang: Mangsa di Raub, Lipis terus bertambah

Oleh ROSILAWATI ROSEDI [Follow](#) 25 Disember 2023 08:13pm Masa membaca: 1 minit



Keadaan banjir di Raub menyaksikan jumlah mangsa terus bertambah setakat ini. - Foto Ihsan APM

KUANTAN - Daerah Raub dan Lipis terus mencatatkan peningkatan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di 13 pusat pemindahan sementara (PPS) pada Isnin.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga jam 7.49 petang, daerah Raub melibatkan 606 mangsa daripada 142 keluarga yang ditempatkan di 10 PPS.


PPS Rumah Pertanian Kampung Pamah Rawas menempatkan jumlah mangsa tertinggi di Raub iaitu 107 orang.



Keadaan banjir di Raub menyaksikan 10 PPS Isnin dibuka dan tiga lagi di Lipis pada Isnin.

Selain itu, sembilan lagi PPS iaitu di Surau Kampung Peruas dan Dewan Lechar masing-masing menempatkan 65 mangsa, Dewan Orang Ramai Bukit Pampong (51 mangsa), Balai Raya Kampung Pamah Kulat (65 mangsa), Balai Raya Kampung Pamah Rawas (20 mangsa), Balai Raya Kampung Kuala Keloi (14 mangsa) dan Dewan Dato Seriwa Dong (dua mangsa), Dewan Kampung Kuala Gali dan Masjid Bertang pula masing-masing menempatkan 37 mangsa.

Manakala di Lipis, tiga PPS yang dibuka adalah Dewan Serbaguna Dato Omar Kuala Medang yang menempatkan 113 mangsa, Dewan Orang Ramai Kuala Serau (21 mangsa) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kechau Tui pula seramai sembilan mangsa.



Mangsa banjir Kelantan meningkat mendadak kepada 11,329 orang 10 malam ini

Oleh Hidayatidayu Rezali - Disember 25, 2023 @ 11:32pm
bhnews@bh.com.my



Mangsa banjir di Pasir Mas meningkat kepada 6,261 orang malam ini. Gambar PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi, Pasir Mas hari ini. - Foto BERNAMA

KOTA BHARU: Keadaan banjir di Kelantan semakin buruk dengan mangsa meningkat mendadak kepada 11,329 orang sehingga 10 malam ini, berbanding 5,155 petang tadi.

Jumlah mangsa meningkat di semua daerah dan Jeli menjadi jajahan terbaru dilanda banjir apabila dua pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka malam ini.

Semua mangsa membabitkan 3,480 keluarga itu berlindung di 74 pusat pemindahan sementara (PPS) di enam daerah iaitu Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai, Machang, Gua Musang dan Jeli.

Mengikut portal Info Bencana Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa banjir di Pasir Mas meningkat kepada 6,261 orang berada di 20 PPS, berbanding 3,273 orang petang tadi.

Mangsa banjir di Pasir Mas paling ramai berada di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh (1,071 orang, 331 keluarga) dan SK Gual Tinggi (1,054 orang, 360 keluarga).

Jajahan Kuala Krai, mangsa banjir berjumlah 2,437 orang di 24 PPS, diikuti Tanah Merah (1,683 orang di 19 PPS), Machang (425 orang di lima PPS), Gua Musang (268 orang di empat PPS) dan Jeli (255 orang di dua PPS).



Kepelbagaian perayaan perlu jadi teras perpaduan rakyat Malaysia

© 2023-12-25T10:52:45+08:00



Penganut Kristian mengikuti upacara keagamaan pada sambutan Hari Krismas ketika tinjauan Bernama di Church of Our Lady of Lourdes, hari ini. -Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Setiap perayaan diraikan rakyat pelbagai kaum di Malaysia perlu dijadikan sebagai teras perpaduan yang merupakan kunci utama kepada keharmonian kaum serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata sehubungan itu, sambutan Hari Krismas kali ini diharapkan dapat menjadi asas untuk negara mengukuhkan perpaduan dan keharmonian kaum dalam kalangan masyarakat.

"Raihan kepelbagaian kaum dan agama menerusi semangat toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain serta perkukuhkan perpaduan demi kestabilan dan kemakmuran negara.

"Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baharu 2024. Semoga perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan yang kita nikmati ini berkekalan untuk kita wariskan kepada generasi akan datang," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam perutusan Hari Krismas menerusi hantaran Facebook malam tadi, berharap kemajmukan dan kepelbagaian negara ini dapat terus menjamin keamanan, memangkin kemakmuran dan menjalin perpaduan sesama rakyat Malaysia.

Beliau turut mengingatkan orang ramai yang akan pulang ke kampung halaman agar berhati-hati semasa memandu dan selamat tiba di destinasi.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil turut menzahirkan ucapan Hari Natal buat masyarakat beragama Kristian di seluruh negara dengan harapan agar perayaan tahun ini disambut dengan meriah bersama keluarga tercinta masing-masing.



Penganut Kristian mengikuti upacara keagamaan pada sambutan Hari Krismas ketika tinjauan Bernama di Church of Our Lady of Lourdes, hari ini. -Gambar BERNAMA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa turut menyampaikan ucapan Selamat Hari Natal kepada penganut agama Kristian, di samping menasihatkan rakyat Malaysia supaya mementingkan nilai kebersamaan dan perpaduan dalam membina masa depan lebih cerah untuk negara.

"Kita perlu menghargai setiap keunikan dan tradisi masing-masing tanpa mengabaikan nilai perpaduan yang telah membawa kita bersama selama ini. Melalui saling menghormati dan kerjasama, kita boleh mencipta sebuah masyarakat lebih bersatu padu dan sejahtera.

"Semoga tahun-tahun akan datang membawa lebih banyak keamanan, kasih sayang dan persefahaman antara satu sama lain," katanya menerusi hantaran di laman X.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menerusi sebuah video di laman X, mengutuskan ucapan Selamat Hari Natal dan mengajak rakyat untuk bersama keluarga dan bergembira dalam menyambut perayaan itu.

"Saya juga mengucapkan Selamat Tahun Baharu bagi tahun 2024. Bersempena dengan tahun baharu ini, sama-sama kita berdoa agar Malaysia menjadi sebuah negara yang aman damai, bersatu padu dan kuatkan perpaduan dalam kalangan kita," katanya.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke dalam ucapan Hari Krismas menerusi hantaran di laman Facebook berkata pertemuan semula dengan orang tersayang pada musim perayaan dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan, kemasyarakatan dan negara.



Penganut Kristian mengikuti upacara keagamaan pada sambutan Hari Krismas ketika tinjauan Bernama di Church of Our Lady of Lourdes, hari ini. -Gambar BERNAMA

Beliau berkata apabila dapat bertemu semula dengan mereka yang tersayang, ia dapat mengingatkan kita tentang kewajipan sebagai rakyat Malaysia dalam memupuk masyarakat empati dan penuh kebaikan.

"Sebagai Menteri Pengangkutan dan paling penting rakyat Malaysia, ikatan antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak adalah menjadi keutamaan. Krismas adalah masa sesuai untuk menzahirkan ihsan dan empati. Nilai sejagat ini juga terkandung dalam konsep Malaysia MADANI yang menjadi dasar Kerajaan Perpaduan.

"Dengan semangat inilah kita telah melaksanakan inisiatif FlySiswa dan penetapan harga maksimum penerbangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, ketika musim perayaan. Banyak usaha dilakukan untuk menjayakan inisiatif ini tapi setiap detik mereka membawa keluarga bersama menjadikan usaha itu berbaloi," katanya.

Turut mengutuskan ucapan Selamat Hari Krismas di media sosial malam ini, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz serta Menteri Perlindungan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani. - BERNAMA



Komuniti Penyayang 2023 Ayam Brand perkasa 1,065 kanak-kanak



DIDIK kanak-kanak membuat pilihan makanan lebih sihat.

Dianggarkan sehingga 5.6 juta kanak-kanak Malaysia yang ke sekolah berdepan dengan masalah beban berganda malnutrisi.

Beban berganda malnutrisi didefinisikan sebagai kewujudan kekurangan khasiat bersama khasiat berlebihan dalam populasi yang sama dan merentasi jangka hayat.

Dalam menangani isu terbabit Ayam Brand terus menggiatkan inisiatif tahunan, Kempen Komuniti Penyayang 2023 menerusi penyediaan bekalan makanan selama dua bulan atau kira-kira 35,028 makanan berkhasiat kepada 25 rumah kebajikan di enam negeri.

Menurut Pengurus Pemasaran A Clouet (Malaysia) Sdn Bhd, Teoh Wei Ling, pihaknya mengambil peranan menyemai budaya pengambilan makanan berkhasiat menerusi kempen itu dengan menyantuni 1,065 kanak-kanak yang terbabit.

"Risiko malnutrisi berganda dan miopia dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia memerlukan sokongan daripada semua pihak termasuk organisasi seperti Ayam Brand".

"Ini sebab kami mengambil pendekatan untuk membantu terutama apabila kami mempunyai sejarah yang panjang dalam menyumbang produk berkhasiat dan sihat kepada komuniti," katanya.

Pihaknya begitu teliti dalam memberi produk terbaik kepada pengguna. Malah, dalam kajian yang dijalankan Universiti Sains Malaysia (USM), kandungan Sardin dalam Sos Tomato Ayam Brand™ dan Mackerel dalam Sos Tomato Ayam Brand™ mengandungi 7 kali lebih tinggi Omega-3 berbanding sajian sama yang ditangkap segar.

"Kami percaya penyediaan produk kami adalah satu penyelesaian segera, tetapi untuk jangka panjang.

"Kami berharap inisiatif ini dapat mendidik kanak-kanak untuk membuat pilihan makanan yang lebih sihat satu keutamaan.

Kempen kali ini turut dijalankan bersama KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) dan Focus Point Vision Care Group Sdn Bhd.

Wakil penerima kempen iaitu Pengurus Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Jamaluddin Wahab berkata pihaknya menghargai usaha Ayam Brand™ meneruskan kempen terbabit.

"Kami sentiasa menunggu Kempen Komuniti Penyayang Ayam Brand™ kerana berbanding produk Ayam Brand™ adalah enak, berkhasiat dan memberikan variasi yang kelainan berbanding hidangan harian kami.

"Kami amat menghargai sokongan yang diberikan selain pengisian kempen ini menyeronokkan, berilmu, penuh maklumat, menarik minat dan mencetuskan semangat kepada kanak-kanak untuk sentiasa sihat serta menjaga pemakanan mereka.

"Kami juga terharu dengan sumbangan cermin mata preskripsi kerana segelintir kanak-kanak jagaan rumah kebajikan ini mengalami miopia.

"Untuk menyediakan keperluan itu kepada anak kami satu bebanan juga kerana cermin mata agak mahal," katanya.

Kempen Komuniti Penyayang Ayam Brand™, yang kini memasuki tahun ke-16, telah menyumbang lebih 2.1 juta hidangan sihat dan menyediakan makanan berkhasiat kepada lebih 27,293 individu di 610 rumah kebajikan dan NGO.

Disiarkan pada: December 25, 2023 @ 8:18am